



KENYATAAN MEDIA

**YB DATO SRI DR HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**KEJADIAN JEREBU SETEMPAT DI DAERAH BEAUFORT,
SABAH**

4 APRIL 2016

Jerebu setempat yang berlaku di Daerah Beaufort, Sabah adalah disebabkan oleh kebakaran di Hutan Simpan Tanah Gambut Klias (seluas 20 hektar) dan Hutan Simpan Tanah Gambut Binsuluk (seluas 200 hektar) yang berlaku pada 27 Mac 2016. Punca kebakaran adalah daripada aktiviti pekebun kecil yang melakukan pembakaran secara terbuka, seterusnya merebak dan memasuki kawasan hutan simpan serta sebahagian kawasan penanaman kelapa sawit di Kampung Lumat, Beaufort.

Tindakan pemadaman melibatkan operasi darat dan operasi pengeboman air oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di kawasan-kawasan yang terlibat. Sehingga 4 April 2016, **kebakaran sudah dapat dikawal namun**

bara api dalam lapisan tanah gambut bawah tanah masih mengeluarkan kepulan asap tebal yang menyebabkan ruang udara di kawasan sekitar berjerebu.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah menempatkan secara manual, sebuah stesen pengawasan kualiti udara mudah alih semenjak 31 Mac 2016 bagi memantau status kualiti udara ambien di kawasan terlibat. Sehingga jam **12 tengahari, 4 April 2016, bacaan yang direkodkan di Sekolah Menengah (K) Membakut 2 adalah 150 (tidak sihat), manakala bacaan IPU tertinggi yang direkodkan adalah 308 (berbahaya) pada jam 4 pagi, 4 April 2016.**

Sementara itu, empat (4) stesen pengawasan kualiti udara tetap/automatik di negeri Sabah merekodkan bacaan IPU pada tahap baik dan sederhana sehingga jam 1 petang iaitu:-

- | | | |
|-------|---------------|----------------------|
| (i) | Kota Kinabalu | : IPU 68 (sederhana) |
| (ii) | Keningau | : IPU 58 (sederhana) |
| (iii) | Sandakan | : IPU 21 (baik) |
| (iv) | Tawau | : IPU 29 (baik) |

Jabatan Alam Sekitar (JAS) sedang memantau rapi bacaan IPU dan status kualiti udara dari masa ke semasa. Berdasarkan kepada Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan, penutupan sekolah di kawasan-kawasan yang terlibat akan dibuat apabila bacaan IPU mencapai paras melebihi 200. Tindakan ini diselaraskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Selain itu, operasi pembersihan awan akan dilaksanakan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia dan

Tentera Udara Diraja Malaysia apabila bacaan IPU melebihi 100 untuk tempoh melebihi 72 jam.

Semua pihak terus diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM 500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM 2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar
YB Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar

4 APRIL 2016